

UniSZA antara 10 IPTA pilihan pelajar

KUALA NERUS 5 Sept. - Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) di sini kini berada dalam dalam kelompok 10 institusi pengajian tinggi awam (IPTA) negara ini yang menjadi pilihan pelajar untuk melanjutkan pengajian mereka.

Naib Canselornya, Prof. Datuk Dr. Yahaya Ibrahim berkata, perkembangan itu meletakkan UniSZA berada dalam landasan yang tepat dengan mencapai kedudukan setanding dengan universiti ternama selepas melalui proses transformasi dan penjenamaan untuk meningkatkan keyakinan umum dan imejnya.



YAHAYA IBRAHIM

Katanya, kedudukan UniSZA yang melonjak pantas dan semakin teguh antara lain didorong oleh kepesatan pembangunan infrastruktur, penstrukturan kursus-kursus, peningkatan dari segi penerbitan termasuk pencapaian dalam bidang pembangunan dan penyelidikan (R&D).

“Mungkin dulu orang tidak bera-
pa kenal UniSZA, tetapi hari ini kita
berbangga berada dalam kelompok
10 universiti popular selepas lima
universiti penyelidikan seperti Uni-
versiti Malaya (UM), Universiti Sains
Malaysia (USM), Universiti Kebang-
saan Malaysia (UKM), Universiti
Teknologi Malaysia (UTM) dan Uni-
versiti Putra Malaysia (UPM).

“Kira-kira 70 peratus yang
mendaftar untuk sesi 2015/2016 ini
adalah mahasiswa yang membuat
permohonan bagi pilihan pertama
hingga pilihan ketiga. Bagaimana-
pun, tidak semua yang meletakkan
UniSZA di pilihan pertama diterima
masuk,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam
majlis Perasmian Minggu Mes-
ra Siswa Kemasukan Ijazah Sesi
2015/2016 yang disempurnakan
Timbalan Menteri di Jabatan Per-
dana Menteri, Datuk Razali Ibrahim
di sini, baru-baru ini.

UniSZA menerima sejumlah 1,862
pelajar baharu yang mendaftar bagi
semester pertama sesi kali ini den-
gan 519 daripadanya pelajar lelaki
dan 1,343 pula pelajar perempuan.